



**MINIT MESYUARAT KALI KE-58 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
YANG DIADAKAN PADA HARI RABU 20 MAC 2019, JAM 3.00 PETANG  
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANSOLORI KAMPUS INDUK  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

---

**Kehadiran**

:

**Pengerusi**

YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBrs. Profesor Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria  
Pengarah Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Musa bin Ali  
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Dr. Rohayati binti Mohd Isa  
Bendahari

Encik Mohd Saad bin Hj. Din  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

YBrs. Profesor Madya Dr. Sundramoorthy A/L M.Pathmanathan  
(Presiden)  
Puan Siti Noraini binti Jupri  
Dr. Ahmad Sufiril Azlan bin Mohamed

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim  
Encik Azham Bin Murat  
Encik Syaarani Amri bin Muhamad  
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain  
Encik Ramli Bin Yusob  
Encik Rahmat bin Md Hassan

### **Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

### **Turut Hadir**

YBrs. Profesor Dr. Adam Bin Husein  
Timbalan Pengarah Kampus Kesihatan

Encik Mohd Rashid bin Abdul Rejab  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Naib Canselor

Encik Ismail Bin Jamaluddin  
Ketua Penolong Bendahari  
Jabatan Bendahari

Puan Sarina Binti Razak  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Siti Aishah binti Abdul Raffar  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Siti Hajar binti Mohd Sani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Norazreen Binti Razak  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

### **Tidak Hadir**

: YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim  
Pengarah Kampus Kesihatan

Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohammad Zaip bin Ahmad  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Mohd. Zarawi b. Mat Nor  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Shaik Farid Abdull Wahab  
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

## MINIT 1 Aluan Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan Pengerusi kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-58 Majlis Bersama Jabatan. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Mesyuarat kali ke-58 Majlis Bersama Jabatan merupakan mesyuarat pertama bagi tahun 2019.

- 1.1 Majlis merakamkan ucapan terima kasih di atas inisiatif mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan KKAUSM yang telah diadakan pada 30 Januari 2019 dan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama PKAPUSM yang telah diadakan pada 8 Mac 2019.
- 1.2 Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Tuan Hj. Mohd Saad Bin Hj. Din, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia yang akan bersara pada 25 Mac 2019.
- 1.3 Majlis memberi ucapan aluan kepada ahli majlis baharu yang telah dilantik mengikut perlembagaan MBJ yang baharu sebagai ahli Majlis Bersama Jabatan USM.

i) Wakil Majikan

- ❖ Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia

[Tindakan : Makluman]

## MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Ahli Majlis mengesahkan Minit Mesyuarat ke-57 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Jumaat, 21 Disember 2018, jam 3.00 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori, Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Urusetia MBJ]

## MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-57

### 3.1 [Minit 4.1] Kemajuan Aktiviti Pembekalan Pakaian Seragam

Mesyuarat memaklumkan bahawa tindakan aktiviti pembekalan pakaian seragam telah dilaksanakan seperti yang dibentangkan pada mesyuarat MBJ yang lalu. Mesyuarat turut memaklumkan bahawa pada 18 Mac 2019 lalu, pembekalan pertama iaitu pakaian seragam paramedik seperti kasut dan kain telah dibekalkan kepada Pusat Sejahtera.

Mesyuarat mengambil maklum tentang aktiviti pakaian seragam yang telah dilaksanakan adalah mengikut *timeline* yang telah dibentang pada mesyuarat terdahulu.

Mesyuarat turut membangkitkan isu berkenaan kepelbagaian warna pakaian seragam di HUSM. Mesyuarat memaklumkan bahawa perbezaan warna pakaian seragam bagi staf HUSM akan meningkatkan kos perbelanjaan dan dapat melambatkan proses pembekalan. Perkara ini juga menyukarkan pihak pembekal untuk membekalkan pakaian yang berlainan warna atau spesifikasi.

### **Keputusan;**

Mesyuarat bersetuju agar diadakan mesyuarat di peringkat Pengarah Kampus Kesihatan bagi membincangkan semula berkenaan spesifikasi dan warna pakaian seragam melalui Pasukan Petugas Pakaian Seragam di bawah Bahagian Sumber Manusia bagi mencadangkan spesifikasi dan warna pakaian yang lebih selaras dan seragam pada siri pembekalan pakaian seragam yang seterusnya agar urusan pembekalan tersebut lebih efisien dan memendekkan tempoh masa sedia ada.

**[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia & Pengarah HUSM]**

### **3.2 [Minit 5.2.1]: Cadangan Model Insurans Kelompok**

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pra-Mesyuarat MBJ bersama KKAUSM terdahulu telah bersetuju untuk menubuhkan kumpulan *taskforce* yang diketuai oleh Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia. Tujuan *taskforce* ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji contoh model insurans daripada beberapa universiti dan mencadangkan model terbaik untuk dibentangkan dalam mesyuarat MBJ akan datang.

Pengerusi mencadangkan agar ahli *taskforce* perlu libatkan wakil daripada Bahagian Sumber Manusia dan Jabatan Bendahari.

Bendahari turut memaklumkan bahawa mesyuarat di peringkat Jabatan Bendahari telah diadakan bersama Bahagian Sumber Manusia dan KKAUSM untuk memahami tujuan kumpulan *taskforce* insurans kelompok tersebut ditubuhkan.

### **Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan kumpulan *taskforce* yang ditubuhkan dan bersetuju perkara ini dibentangkan semula pada mesyuarat MBJ.

**[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia dan Jabatan Bendahari]**

## **MINIT 4**

### **Perkara Daripada Pihak Majikan**

#### **4.1 Penjajaran Pengurusan Bakat USM Dengan Pelan Strategik USM 2019-2021**

Pendaftar memaklumkan tentang aktiviti penjajaran pengurusan bakat USM yang dilaksanakan selari dengan Pelan Strategik USM 2019-2021 seperti yang dibentangkan oleh Naib Canselor melalui Perutusan Naib Canselor 2019. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa terdapat tiga (3) fokus tumpuan dalam aktiviti penjajaran pengurusan bakat iaitu:

- a) Memastikan kualiti perkhidmatan dan nilai diterap kepada staf melalui Kerangka Kompetensi USM
- b) Menjajarkan proses penilaian prestasi dan kemajuan kerjaya dengan hala tuju strategik USM
- c) Menyediakan ekosistem yang dapat meningkatkan tahap fizikal dan mental yang sihat (*Happiness Index*)

Pendaftar membentangkan kepada mesyuarat berkenaan capaian ratio akademik dan bukan akademik adalah lebih baik dari sasaran sebenar. Pendaftar memaklumkan bahawa ratio tersebut adalah dalam keadaan yang ideal sebagai universiti awam. Mesyuarat turut mengambil perhatian tentang hasrat kerajaan bagi mengecilkan saiz perkhidmatan melalui pengurangan 1% dari jumlah penjawat awam secara keseluruhannya.

Pendaftar turut memaklumkan berkenaan inisiatif yang telah dilaksanakan berasaskan kepada Kerangka Kompetensi USM khususnya dalam pengurusan bakat di USM termasuk dalam proses penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Laporan Penilaian Prestasi (LPP), *succession planning* dan sebagainya. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa format baharu LPP bukan akademik telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan seramai 2000 orang staf telah terlibat dalam fasa pertama pelaksanaannya pada tahun 2019. Mesyuarat mengambil maklum tentang format ini yang telah dibangunkan selama 2 tahun sejak tahun 2017 bersama KKAUSM dan wakil skim serta ketua jabatan dari pelbagai PTJ.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti juga membangunkan format baharu LPP Ketua Jabatan dan perkara tersebut akan dibentangkan di dalam JKPU untuk kelulusan pada April ini. Format baharu LPP telah dibentangkan di Dewan Budaya oleh YBrs. Profesor Dr. Aldrin Bin Abdullah untuk melihat semula format baharu Ketua Jabatan dan satu kumpulan *taskforce* juga telah dibentuk bagi tujuan tersebut.

Pendaftar memaklumkan bahawa penyediaan SKT dan proses penilaian LPP perlu selari dengan hala tuju dan Pelan Strategik Universiti. Sistem penilaian prestasi yang telah mengintegrasikan proses penyediaan SKT dan format baharu penilaian LPP telah dijenamakan semula (*rebranding*) sebagai MyPerformance.

#### **Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan aktiviti penajajaran pengurusan bakat USM dan juga mengambil maklum berkenaan format baharu LPP.

**[Tindakan : Makluman]**

#### **MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja**

##### **5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

Tiada perkara daripada PKAPUSM

##### **5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

Tiada perkara daripada KKAUSM

#### **MINIT 6 : Hal-hal Lain**

##### **6.1 Cadangan Waktu Anjal (*Flexible Working Hour*)**

Pihak KKAUSM mencadangkan Universiti untuk melaksanakan waktu anjal seperti yang telah dilaksanakan pada bulan Ramadhan iaitu masa bekerja adalah dari 7.30 pagi hingga 9.00 pagi dan pulang bekerja mulai 4.30 petang hingga 6.00 petang. Perkara ini adalah untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan mengurangkan masalah kelewatan di kalangan staf.

Pengerusi memaklumkan bahawa pelaksanaan waktu anjal dapat meningkatkan kecekapan. Walau bagaimanapun, mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat sekumpulan staf yang terlibat dalam urusan kaunter perkhidmatan pelanggan dan tugas kawalan keselamatan yang perlu bekerja mengikut waktu yang ditetapkan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti akan mendapatkan maklumbalas dan meneliti cadangan ini diperingkat Bahagian Sumber Manusia terlebih dahulu sebelum melaksanakan waktu anjal ini secara menyeluruh.

## **Keputusan;**

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju secara prinsip mengenai pelaksanaan waktu anjal kepada staf. Mesyuarat juga bersetuju sekiranya ia hanya dilaksanakan di Universiti Sains Malaysia setelah mendapat maklumbalas secara menyeluruh dan merujuk kepada dasar dan pekeliling yang berkaitan.

**[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]**

### **6.2 Mesyuarat Agung PKAPUSM**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa PKAPUSM akan mengadakan Mesyuarat Agung pada 4 April 2019 bagi membentuk semula ahli baharu PKAPUSM. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung PKAPUSM diadakan sekali setahun.

Presiden PKAPUSM merakamkan ucapan terima kasih, kepada semua ahli PKAPUSM yang telah terlibat dengan jayanya dan telah memberi komitmen yang baik.

Mesyuarat juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PKAPUSM kerana telah melibatkan diri dan mewujudkan hubungan kerjasama yang baik dan harmoni di antara pihak pengurusan dan warga universiti khususnya dalam menangani isu-isu staf sepanjang tempoh sebagai ahli Mesyuarat MBJ.

**[Tindakan: Makluman]**

### **6.3 Perkhidmatan Mesin Fotostat di Anjung Semarak**

Pihak KKAUSM merakamkan ucapan terima kasih kepada YBrs. Dr. Musa Ali, YBrs. Dr. Khairul Anuar Bin Che Azmi, YBrs. Dr. Rohayati dan YBhg. Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly serta kerjasama penuh daripada Persatuan Alumni USM kerana telah memberi peluang untuk menjalankan aktiviti perkhidmatan mesin fotostat di Anjung Semarak.

**[Tindakan: Makluman]**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



**ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN  
MOHAMAD TAJULARIFFIN**  
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



**ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD**  
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)  
MBJ USM